

Syarat – Syarat Iqta’ dalam Undang-Undang Tanah Islam

Muhamad Hafizullah Bin Muda, Md Yazid Bin Ahmad

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email : iqrar1433@gmail.com; yazid@ukm.edu.my

Abstrak – Pelupusan tanah merupakan perkara yang tidak asing dalam bidang pengurusan tanah. Dalam undang-undang tanah Islam, pelupusan boleh dinisbahkan kepada iqta’. Iqta’ adalah satu konsep pemberian tanah oleh pihak kerajaan kepada rakyat samada individu atau kumpulan tertentu. Berdasarkan kepada konsep tersebut, timbul persoalan berkaitan dengan syarat-syarat yang dikenakan sebelum berlakunya iqta’ kerana sudah pasti perkara penting seperti tanah ini tidak diberi sewenang-wenangnya kepada penerima tanpa ada sebarang syarat yang mengikat. Terdapat juga syarat-syarat yang melibatkan perkara selain daripada penerima yang turut perlu diambilkira untuk menyempurnakan proses iqta’. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum berlakunya proses iqta’ berdasarkan hadis dan karya ulama-ulama silam. Syarat-syarat tersebut meliputi semua aspek yang terlibat dalam proses iqta’. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan metode tatacara pengumpulan data dan penganalisan data yang disampaikan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa syarat-syarat berlakunya iqta’ tidak tertumpu kepada penerimanya sahaja bahkan beberapa perkara lain juga. Ini termasuklah tempoh masa iqta’, penjagaan hak awam, status tanah dan juga tujuan mendapatkan iqta’. Syarat-syarat ini membuktikan bahawa undang-undang tanah dalam Islam adalah sebuah undang-undang yang stabil dan lengkap walaupun ianya tidak termaktub secara teratur dalam undang-undang bertulis sepertimana undang-undang yang ada pada hari ini.

Kata kunci: iqta’, pelupusan tanah, syarat iqta’, undang-undang tanah Islam

I. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang syumul. Ia merupakan satu ciri khusus yang terdapat dalam agama ini dan tidak ada pada agama lain. Islam memandu umatnya dalam segala aspek kehidupan dan tidak terhad kepada ibadah sahaja. Bermula daripada aspek akidah sehinggalah kepada pentadbiran politik, semuanya mempunyai asas dan kaedah tertentu dalam Islam. Begitu juga dengan pentadbiran tanah yang terletak di dalam aspek siasah shar’iyyah, Islam mempunyai dasar dan cara yang tersendiri untuk memandu manusia memanfaatkan kemudahan yang dikurniakan oleh Allah. Menurut al-Suyuti (2007), dalam Islam terdapat pelbagai cara untuk seseorang itu memiliki harta ataupun tanah. Antara caranya ialah melalui ihya’ al-mawat, pewarisan, hibah, jual-beli, wasiat, wakaf, ghanimah dan juga sedekah. Namun begitu, ulama-ulama fiqh juga ada menyatakan bahawa masih ada cara lain lagi untuk memiliki tanah seperti iqta’ dan tahjir (Ridzuan Awang, 1984).

II. Takrif Iqta’

Iqta’ bermaksud menjadikan sebahagian kawasan, khas untuk sebahagian individu samada tanah galian atau tanah biasa. Tindakan ini akan menjadikan sebahagian individu tersebut lebih utama dan perlu didahulukan untuk mengambil manfaat daripada kawasan tersebut (al-Syaukani 2004). Menurut Wahbah al-Zuhaili (1996), terdapat dua definisi iqta’. Pertama, ia bermaksud tanah terbiar yang dikhaskan atau diberikan kepada sebilangan orang samada dalam bentuk bahan galian atau tanah. Dalam pemberian ini, pilihan diutamakan kepada orang tertentu dan tanah atau bahan galian yang diberikan disyaratkan mestilah belum dikhaskan atau diberikan kepada sesiapa. Kedua, ia bermaksud ketua negara menyewakan harta Allah iaitu tanah kepada sesiapa yang layak. Kebanyakan yang dilakukan ialah ketua negara

membuat peruntukan untuk mereka yang patut mendapat pemberian. Dalam hal ini, ia dilakukan dengan salah satu daripada dua cara iaitu dengan diberi hakmilik dan membangunkannya atau menyewakannya dengan pembahagian hasil.

'Iyadh menyatakan *iqta'* adalah keizinan pemerintah kepada pihak yang berkemahiran untuk menguruskan sebahagian harta Allah. Kebiasaannya ia melibatkan tanah. Kaedahnyalah memberikan tanah kepada orang berkemahiran untuk menghasilkan sesuatu daripada tanah tersebut dengan memberi pemilikan ataupun memberi tempoh untuk ia diusahakan (al-Syaukani 2004). Ibnu Tin menyatakan istilah *iqta'* digunakan sekiranya ia melibatkan tanah atau kediaman (al-San'ani 2009). Kesimpulan daripada takrifan para ulama' di atas, *iqta'* ialah pemberian tanah daripada kerajaan kepada individu atau kumpulan dalam bentuk hak milik sempurna, hak milik tidak sempurna ataupun sewaan dengan syarat-syarat tertentu.

III. Kategori Iqta'

Ulama-ulama telah membahagi-bahagikan kategori-kategori *iqta'* berdasarkan sudut pandang masing-masing. Ia menghasilkan perbezaan dari segi susunan pembahagian tersebut. Mengikut Ibnu Qudamah (1997), terdapat dua jenis *iqta'* iaitu *iqta' irfaq* dan *iqta' mawat*. *Iqta' irfaq* berlaku apabila kerajaan memberi keistimewaan atau keutamaan kepada individu untuk mendapat tempat khas di kawasan tertentu seperti kerusi di pasar, sebahagian kecil kawasan daripada jalan besar, kawasan lapang di masjid dan lain-lain. *Iqta' mawat* pula berlaku apabila pemerintah memberikan tanah mati kepada individu untuk dimajukan. Pemberian ini menjadikan penerima sebagai pihak yang diberi keutamaan untuk menghidup dan mengusahakan tanah mati tersebut.

Mengikut al-Mardawi (1957), para ulama mazhab Hambali telah membahagikan *iqta'* kepada tiga jenis iaitu *iqta' tamlik*, *iqta' istighlal* dan *iqta' irfaq*. *Iqta' tamlik* pula dibahagikan kepada tiga berdasarkan keadaan tanah iaitu tanah mati, tanah yang sedang dibangunkan dan tanah galian. *Iqta' istighlal* pula terbahagi kepada dua iaitu *usyur* dan *kharaj*. Al-Bahuti (1999) menyatakan *iqta' irfaq* pula berlaku apabila kerajaan memberi keistimewaan kepada seseorang seperti tempat duduk, kawasan tertentu di masjid selagi ia tidak menyusahkan masyarakat awam. *Iqta'* cara ini tidak akan menjadikan keistimewaan tersebut hak mutlak kepada penerima. Malah, ia akan hilang sekiranya kerajaan menariknya semula.

Mengikut al-Mawardi (1989) pula, *iqta'* terbahagi kepada dua iaitu *iqta' tamlik* dan *iqta' istighlal*. *Iqta' tamlik* terbahagi kepada tiga iaitu tanah mati, tanah 'amir (yang diusahakan) dan tanah galian. *Iqta' istighlal* pula terbahagi ada dua bahagian berdasarkan keadaan tanah iaitu tanah *usyur* dan tanah *kharaj*. Daripada perbincangan-perbincangan ulama' di atas, penulis berpandangan pembahagian kategori yang dibuat oleh Abdullah al-Muslih (1988) lebih mudah difahami dan merangkumi perbincangan yang dibuat oleh para ulama'. Beliau membahagikan *iqta'* sepertimana berikut :

3.1 Iqta' Tamlik

Abdullah Muslih (1988) menyatakan kategori pertama adalah *iqta' tamlik*. Perkataan *tamlik* membawa maksud memindah satu pemilikan atau juga bermaksud pemberian milik. Seseorang pemilik tanah yang telah diberimilik tanah mengikut kaedah ini boleh menjual, menggadai, memajak, menghibah, mewakaf atau meninggalkan hartanya sebagai harta pusaka kepada warisnya (Salleh Buang 1991: 70). *Iqta' tamlik* dibahagikan kepada beberapa kategori yang utama berdasarkan keadaan tanah dan situasinya iaitu :

- a) *Iqta'* tanah mati yang belum pernah diusahakan, tidak dimiliki oleh sesiapa dan ia tidak mengganggu kepentingan awam yang ada padanya. Pihak berkuasa boleh meng*iqta'*kan tanah ini kepada sesiapa yang mampu untuk mengusahakannya. Sekiranya pihak penerima *iqta'* itu berjaya mengusahakan tanah tersebut sebagaimana yang dikehendaki syarak, maka pihaknya akan menjadi pemilik penuh tanah tersebut.
- b) *Iqta'* tanah mati yang pernah dihidupkan semasa zaman jahiliah kemudian musnah dan terus mati selepas tempoh masa yang lama. Bagi kategori ini, ia adalah sama hukumnya dengan kategori pertama *iqta' tamlik* di mana pihak berkuasa boleh meng*iqta'*kan tanah tersebut dengan pemilikan penuh.
- c) *Iqta'* tanah mati yang pada asalnya dimiliki oleh orang Islam kemudian ia musnah lalu menjadi tanah mati selepas beberapa tempoh. Sekiranya tanah ini diketahui siapa pemiliknya, maka tanah ini tidak boleh di*iqta'*kan sebaliknya ia terus dimiliki oleh pemilik asalnya atau para warisnya jika dia telah meninggal dunia. Sekiranya tidak diketahui siapa pemiliknya, maka tanah tersebut dikira sebagai hak milik baitulmal orang-orang Islam. Maka pihak pemerintah boleh meng*iqta'*kan tanah tersebut kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk diusahakan.
- d) *Iqta'* tanah yang hidup tetapi tanah itu berada di negara kafir harbi yang belum dikuasai oleh negara Islam. Apabila negara kafir tersebut dapat dibuka oleh orang Islam, tanah hidup tersebut menjadi milik bagi sesiapa yang dijanjikan oleh pihak pemerintah.

3.2 Iqta' Istighlal

Perkataan *istighlal* bermaksud menggunakan atau menghasilkan (Rohi Baalbaki, 1995). *Iqta' istighlal* boleh dibahagi kepada dua iaitu pertama pelupusan yang melibatkan tanah dan kedua pemberian hasil yang diperolehi daripada tanah yang diusahakan. Ia melibatkan samada tanah *kharaj* atau tanah *usyur* (al-Farra' 2000). Kategori pertama bermaksud

pemberian kawasan tanah oleh kerajaan kepada pihak yang difikirkan berkemahiran untuk menghidupkan tanah-tanah tertentu bertujuan untuk mengambil manfaat daripada tanah tersebut (Saleh Hamid 2006). Pemilikan ini adalah tidak kekal dan tidak sempurna.

Al-Mawardi (1989) menjelaskan bahawa *iqta'* jenis ini tidak akan menghasilkan pemilikan sempurna kerana tanah yang ada adalah milik Baitulmal yang dikendalikan oleh pemerintah. Pihak pemerintah berhak samada menguruskannya sendiri atau melantik pihak lain untuk mengusahakannya dan mengambil bayaran daripada pihak tersebut. Oleh kerana pemilikan *iqta' istighlal* ini adalah pemilikan tidak sempurna, tanah di bawah kategori ini tidak boleh dijual, dipindah milik, hibah, pajak, gadai, wakaf atau dijadikan pusaka oleh pemiliknya.

Mengikut Mohd Ridzuan Awang (1984), mazhab Shafi'i telah menetapkan syarat kepada penerima tanah *iqta' istighlal* iaitu penerima *iqta' istighlal* mestilah terdiri daripada ahli Sadaqah, kakitangan pemerintah yang berkhidmat tanpa bayaran gaji tetap atau golongan ahli Fai' dan orang-orang yang terlibat dengan pasukan tentera. Kategori kedua pula ialah pemberian hasil yang diperolehi daripada tanah yang diusahakan. Dalam hal ini, kerajaan akan menggunakan hasil yang diperolehi daripada tanah-tanah *iqta'* untuk diberikan kepada tentera-tentera dengan kadar kecukupan dan keperluan mereka. Ini adalah kerana golongan ini mempunyai pendapatan yang terhad lantaran komitmen mereka dengan tugas berjihad.

3.3 *Iqta' Irfaq*

Iqta' irfaq boleh dibahagikan kepada dua iaitu :

a) *Iqta'* yang melibatkan tanah galian.

Bahan galian yang ada pada tanah samada ia berada secara zahir di permukaan tanah ataupun batin di dalam tanah. Sekiranya galian tersebut berada di dalam tanah, maka pihak pemerintah boleh mengiqtakan tanah tersebut kepada pihak yang dirasakan mampu untuk menguruskannya.

b) *Iqta'* yang melibatkan kawasan awam

Pemerintah boleh menetapkan kawasan tertentu yang terletak di sekitar kawasan awam seperti perkarangan masjid, bahu jalan yang luas dan sebagainya kepada orang-orang tertentu seperti pedagang atau peniaga dengan status hak pemanfaatan sahaja dan bukan hak milik selama mana penetapan tersebut tidak mengganggu kepentingan awam.

IV. Syarat-Syarat Pelaksanaan *Iqta'*

Berdasarkan perbincangan ulama'-ulama' berkaitan dengan *iqta'*, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa syarat untuk pelaksanaan *iqta'*.

4. 1. Pihak Penerima *Iqta'*

Ibnu Qudamah (1997) menyatakan pihak penerima *iqta'* perlu terdiri daripada orang yang mampu dan mahir untuk memajukan tanah agar tanah yang diiqtakan tidak terbiar dan tidak dimanfaatkan. Pihak pemerintah perlu terlebih dahulu menilai kemampuan penerima untuk mengusahakan tanah yang diberi kepadanya. Saleh Hamid (2006) turut menyatakan apabila sudah dipastikan kemampuan penerima tersebut, kerajaan boleh mengiqtakan tanah sekadar kemampuan penerima. Sekiranya selepas itu pemerintah mendapati penerima masih tidak mampu mengusahakan tanah tersebut, maka pemerintah boleh mengambil semula tanah yang telah diiqtakan. Malah kerajaan boleh berikan kepada pihak lain yang difikirkan layak untuk mengusahakan tanah tersebut. Peristiwa tersebut menjelaskan bahawa pihak penerima *iqta'* mestilah mampu mengusahakan tanah yang diiqtakan kepadanya. Jika tidak, pihak pemerintah berhak untuk mengambilnya semula dan memberikannya kepada penerima lain. Mereka yang mempunyai kemahiran dan kebolehan tertentu diberi keutamaan yang lebih untuk menerima pemberian ini. Mengikut Wahbah al-Zuhaili (1996), inilah masalah yang menyebabkan *iqta'* diizinkan, jika tidak orang tersebut tidak boleh menerima tanah *iqta'* tersebut.

4. 2. Tempoh Masa

Dalam isu tanah mati, al-Mawardi (1989) menyatakan bahawa Abu Hanifah berpendapat pihak berkuasa mesti memberikan tempoh masa untuk penerima *iqta'* mengusahakan dan menghidupkan tanah tersebut. Tempoh yang diberikan adalah selama tiga tahun. Sekiranya selepas tempoh itu pihak penerima tanah itu tidak membangunkannya, tanah tersebut tidak boleh menjadi miliknya. Ia berdasarkan amalan Umar al-Khattab yang menetapkan tempoh tiga tahun sebagai peluang kepada penerima *iqta'* membangunkan tanahnya. Walaupun al-Shafi'i tidak menetapkan sebarang tempoh masa untuk penerima *iqta'* memajukan tanahnya, beliau meletakkan faktor sebab tidak memajukan sebagai penentu ia menjadi hak milik atau tidak. Sekiranya tanah itu tidak dimajukan dalam tempoh yang lama disebabkan dia mempunyai alasan yang munasabah, maka tanah itu tetap menjadi miliknya. Sekiranya dia tidak mempunyai sebarang alasan munasabah kerana tidak memajukan tanah itu, dia perlu membuat pilihan samada untuk mengusahakan tanah itu dengan segera atau melepaskannya supaya tanah itu boleh diberikan kepada penerima lain yang lebih mampu (al-Mawardi 1989)

4. 3. Tidak Mengganggu Kegunaan Dan Kepentingan Awam

Iqta' yang dilakukan juga dimestikan untuk sentiasa memberi kebaikan dan menjaga kepentingan awam. Tugas pemantauan ini menjadi tugas pemerintah supaya penerima sentiasa mengusahakan tanah dan usaha tersebut dapat mencapai masalah untuk orang awam. Tanah yang di*iqta'*kan tidak boleh terdiri daripada perkara-perkara yang melibatkan kegunaan awam. Contoh kegunaan ini ialah jalan, masjid, sungai dan tali air (Saleh Hamid 2006). Ibnu Qudamah (1997) mensyaratkan bahawa tanah yang akan diberi kepada seseorang tidak mengandungi bahan galian yang zahir dan diperlukan oleh orang awam. Sekiranya tanah seperti ini diberi kepada individu-individu tertentu sahaja, sudah tentu ia akan menghilangkan masalah orang awam dalam memenuhi hajat dan keperluan hidup mereka.

Abyadh bin Hammal memberitakan bahawa dia telah berjumpa Nabi SAW untuk memohon di*iqta'*kan tanah yang terdapat lombong garam. Setelah tanah itu di*iqta'*kan, seorang lelaki telah bertanya kepada nabi, "Adakah kamu tahu apa yang telah kamu *iqta'*kan kepadanya? Kamu telah *iqta'*kan tanah yang mempunyai punca air yang mengalir. Lalu Nabi SAW mengambil semula tanah tersebut daripada Abyadh. Hadis ini menjelaskan bahawa sekiranya pihak berkuasa mendapati tanah yang di*iqta'*kan boleh menghilangkan masalah orang awam, mereka boleh mengambil semula tanah tersebut daripada pihak penerima.

4. 4. Status Tanah

Tanah yang ingin di*iqta'*kan oleh pihak berkuasa kepada penerima perlu dipastikan tidak dimiliki oleh sesiapa ataupun tidak dimiliki oleh waris. Tanah itu juga perlu dipastikan bahawa tanah tersebut adalah tanah mati yang tidak dimajukan atau tiada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa tanah itu telah dimajukan (al-Mawardi 1989). Begitu juga al-Dusuqi (1996) berpendapat bahawa tanah yang telah dibangunkan dan diperolehi oleh umat Islam melalui penaklukan tanpa peperangan seperti tanah di negeri Syam (sekarang Syria), tidak boleh dibahagikan dengan hak milik kekal kepada seseorang sekiranya tanah tersebut boleh dimanfaatkan untuk pertanian. Ini adalah kerana tanah itu menjadi wakaf bagi penduduk negeri itu. Oleh itu, pemerintah hanya boleh memberi hak manfaat daripada tanah itu untuk sesuatu tempoh seperti tiga puluh tahun atau sepanjang hidupnya. Sebaliknya bagi tanah mawat yang termasuk dalam kategori tanah kosong yang belum dimiliki dan diterokai, pihak berkuasa boleh memberikan kepada pihak yang berkemahiran untuk mengusahakannya dengan pemilikan penuh atau pemilikan manfaat sahaja.

4. 5. Tujuan Mendapat Iqta'

Tujuan utama *iqta'* ini adalah untuk menambah kebajikan masyarakat umum dengan meningkatkan daya pengeluaran tanah (Afzal-ur-Rahman 1980). Dalam hal ini, selagi mana objektif ini berjaya dipenuhi, pemerintah tidak akan masuk campur dalam urusan menguruskan tanah tetapi jika pembangunan tanah tersebut dibiarkan atau pemerintah mendapati bentuk pentadbiran tanah yang lebih baik kepada masyarakat, mereka mempunyai kuasa untuk mengambil balik pemberian tanah tersebut. Selain daripada itu, *iqta'* juga berlaku atas tujuan memberi kebajikan kepada pihak-pihak tertentu. diberi kepada mereka yang terlibat dengan kerja-kerja awam kerana mereka tidak mempunyai kesempatan untuk menjalankan aktiviti lain seperti berniaga dan sebagainya. Selain itu, pemberian tanah itu dilakukan kepada golongan muallaf dengan tujuan untuk mengambil hati mereka dan membolehkan mereka memulakan kehidupan dalam suasana yang baru.

V. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bertumpu kepada perkara-perkara berkaitan dengan *iqta'* khususnya kepada syarat-syarat untuk pelaksanaan *iqta'* dalam undang-undang tanah Islam. Kesimpulannya, *iqta'* adalah satu cara yang baik dalam usaha untuk memajukan tanah-tanah yang terbiar dan memberi kebajikan kepada rakyat umum sekiranya syarat-syarat *iqta'* dipenuhi. Kajian mendapati syarat *iqta'* bukan sekadar terhad untuk penerima, bahkan melibatkan tempoh masa, kemaslahatan umum, status tanah dan tujuan mendapatkan *iqta'*. Penerima mestilah orang yang mampu dan mahir untuk membangunkan tanah. Bermula daripada hari tanah tersebut dilupuskan kepadanya, pemerintah akan memberikannya tempoh selama 3 tahun untuk memajukan tanah tersebut. Sekiranya tidak dimajukan dalam tempoh tersebut, pemerintah berhak mengambil semula tanah tersebut. Pemerintah juga perlu memastikan tanah yang diberikan belum dimiliki oleh sesiapa dan apabila ia diberikan, ia tidak memudaratkan masyarakat umum.

Rujukan

1. Abdullah bin Abdul Aziz al-Muslih. 1988. *Quyud al-Milkiyyah al-Khassah*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
2. Afzal-ur-Rahman. 1980. *Economic Doctrines of Islam, Jilid 2, Edisi 2*. Lahore: Islamic Publication Limited.
3. Al-Bahuti. 1999. *Kassiyaf al-Qina'*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Muassasah al-Tarikh al-'Arabi.
4. Al-Dusuqi. t.t. *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarhi al-Kabir*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiah.
5. Al-Farra', Abu Ya'la Muhammad bin al-Husain. 2000. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
6. Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 1997. *Al-Mughni*. Riyadh, Arab Saudi: Dar 'Alam al-Kutub.
7. Al-Mardawi. 1957. *Al-Insof*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyah.
8. Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad. 1989. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah.

9. Mohd Ridzuan bin Awang. 1984. *Undang-Undang Tanah : Satu Kajian Perbandingan di antara Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Islam*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
10. Rohi Baalbaki. 1995. *Al-Mawrid ; A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ilmi li al-Malayiin.
11. Saleh Hamid al-'Ali. 2006 : *Ma'alim al-Iqtisod al-Islami*. Damsyik, Syria: Dar al-Yamamah.
12. Salleh Buang. 1991. *Kanun Tanah Negara : Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Sivil dan Syariah, dalam Undang-Undang Harta dalam Islam, Jilid 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
13. Al-San'ani, Muhammad bin Ismail. 2009. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
14. Al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman. 2007. *Al-Ashbah wa al-Nazho'ir fi Qawaid wa Furu'Fiqh al-Syafi'iyah*. Beirut, Lubnan: Al-MaktaBah al-'Asriah.
15. Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 2004. *Nail al-Authar*. Lubnan: Bait al-Afkar al-Dauliah.
16. Wahbah al-Zuhaili. 1996. *Fiqh dan Perundangan Islam, Jilid 5*, Dr Ahmad Shahbari Salamon (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.